



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
MINGGU EPIDEMIOLOGI 24 (11 JUN – 17 JUN 2023)

Pada Minggu Epidemiologi ke-24 tahun 2023, jumlah kes demam denggi yang dilaporkan adalah sebanyak 2,808 kes berbanding 2,608 kes pada minggu sebelumnya, iaitu peningkatan sebanyak 200 kes (7.7%). Dua (2) kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-24 tahun 2023.

Kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sehingga Minggu Epidemiologi ke-24 adalah sebanyak 54,139 kes berbanding 21,688 kes bagi tempoh sama tahun 2022, iaitu peningkatan sebanyak 32,451 (149.6%). Manakala sejumlah 39 kematian akibat komplikasi demam denggi telah dilaporkan berbanding 15 kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2022.


Bilangan lokaliti hotspot pada minggu ini terus meningkat dengan sebanyak 110 lokaliti hotspot dilaporkan berbanding 95 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya. Daripada 110 lokaliti hotspot yang dilaporkan, 84 lokaliti berada di Selangor, 14 lokaliti di WPKL & Putrajaya, masing-masing empat (4) lokaliti di Kedah serta Pulau Pinang, tiga (3) lokaliti di Sabah serta satu (1) lokaliti di Perlis.

Bagi surveilans chikungunya sebanyak dua (2) kes telah direkodkan pada Minggu Epidemiologi ke-24. Jumlah kumulatif kes chikungunya sehingga kini adalah 137 kes. Bagi surveilans zika, sebanyak 1,381 sampel darah dan 69 sampel urin telah dijalankan saringan zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.

Pemantauan di Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan mendapati jumlah kes demam denggi adalah tinggi dan berpotensi untuk terus meningkat jika tiada tindakan pencegahan dilakukan oleh semua pihak termasuk ahli masyarakat. Sebagai langkah proaktif, periksa setiap bekas di dalam dan di luar rumah serta pastikan tiada takungan air untuk nyamuk *Aedes* membiak. Pastikan barang lusuh yang tidak terpakai contohnya tayar terpakai, baldi terpakai, tong cat terpakai dan lain-lain dilupuskan secara berhemah. Pastikan longkang dan saluran air hujan tidak tersumbat oleh sampah sarap sehingga menyebabkan air bertakung dan menjadi tempat *Aedes* bertelur.

Di samping itu lakukan semburan aerosol di *dalam* rumah terutama pada pagi dan waktu senja bagi membunuh nyamuk *Aedes* dewasa. Pakai bahan repelan nyamuk apabila melakukan aktiviti luar rumah semasa waktu puncak gigitan iaitu pukul 5 pagi hingga 8 pagi dan 5 petang hingga 8 malam. Pesakit denggi juga diminta untuk menggunakan bahan repelan nyamuk agar mengurangkan risiko penyebaran demam denggi kepada keluarga dan orang terdekat melalui gigitan nyamuk. Dapatkan maklumat terkini denggi di aplikasi iDengue atau melalui pautan laman sesawang iDengue di <https://idengue.mysa.gov.my/>. Ambil peduli bahaya denggi, jika tidak maut menanti. **Tiada *Aedes*, tiada denggi, chikungunya dan zika.**


DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
27 Jun 2023




Gambarajah 1: Perbandingan kes dan kematian demam denggi Minggu Epidemiologi ke-24 dan ke-23 tahun 2023



Gambarajah 2: Perbandingan kes dan kematian demam denggi sehingga Minggu Epidemiologi ke-24 tahun 2023 dan tempoh sama tahun 2022



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes mingguan demam denggi Malaysia tahun 2023, 2022 dan median 2018-2022



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot denggi Minggu Epidemiologi ke-24 tahun 2023